0683

R 0764 DEB

MAHATHIR'B'B'B

SEMENCEH, 10 SEPT (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MENGGESA RAKYAT SUPAYA BERHATI-HATI TERHADAP PIHAK YANG MENGGUNAKAN PELBAGAI STRATEGI UNTUK MENDAPAT KUASA MUTLAK BAGI MEMBOLEHKAN MEREKA BERBUAT APA SAHAJA.

PERDANA MENTERI BERKATA, RAKYAT MESTI BERJAGA-JAGA DAN MELINDUNGI DARIPADA PIHAK BERKENAAN DEMI KEPENTINGAN NEGARA.

+KALAU MEREKA DIPILIH, RAKYAT AKAN MENDERITA KERANA KERAJAAN YANG ADA TAHU AKAN KELAKUAN MEREKA YANG SEBENARNYA+, KATANYA KETIKA MERASMIKAN GERAKAN SEMARAK PERINGKAT NEGERI SEMBILAN DI KOMPLEKS SUKAN AIR KUNING SELATAN DI SINI HARI INI.

+KERAJAAN SENTIASA FIKIR AKAN NASIB RAKYAT DENGAN MENGADAKAN PELBAGAI PEMBANGUNAN UNTUK RAKYAT YANG MANA UNTUK MEMBUKTIKAN BAHAWA KERAJAAN YANG ADA INI BERTANGGUNGJAWAB+.

DENGAN MEMPERTIKAIKAN SOKONGAN PIHAK BERKENAAN YANG MENYATAKAN BAHAWA MEREKA MENYOKONG MENTERI-MENTERI BESAR DAN BARISAN NASIONAL (BN) KECUALI PUCUK PIMPINAN. -- LAGI

1313MST 10 09 88

0684

R 0765 DEB

MAHATHIR 2 GEMENCEH B'B'B'

+SEPATUTNYA, KITA MENYOKONG PENDIRIAN, BUKAN SEKADAR MENYATAKAN SOKONGAN TERHADAP SESEORANG, BAHARULAH ADA MAKNANYA+, KATA BELIAU.

+SAYA TIDAK SURUH ORANG MENYOKONG SAYA TAPI APAKAH MAKNA DI SEBALIKNYA DENGAN MENYOKONG BARISAN NASIONAL+.

BELIAU YAKIN RAKYAT TIDAK AKAN MEMBENARKAN DIRI MEREKA DITIPU OLEH PIHAK BERKENAAN DAN UNTUK MENGELAKKAN KEADAAN ITULAH MAKA KERAJAAN MENGADAKAN PERHIMPUNAN SEPERTI SEMARAK UNTUK MERAPATKAN PERHUBUNGAN.

BELIAU JUGA MEMPERTIKAIKAN DAKWAAN PIHAK BERKENAAN YANG MENGATAKAN BAHAWA SEMARAK ADALAH USAHA MEMBAZIR KERANA MENURUTNYA KEHADIRAN BERIBU-RIBU RAKYAT HARI INI MEMBUKTIKAN SOKONGAN MEREKA KEPADA KERAJAAN.

SEBENARNYA BAGI MEREKA BERKENAAN, HANYA YANG MENGUNTUNGKAN MEREKA SAHAJA YANG DEMOKRATIK MANAKALA YAAG TIDAK MENGUNTUNGKAN MEREKA ADALAH TIDAK DEMOKRATIK. -- LAGI

1322MST 10 09 88

0686

R 0766 DEB

MAHATHIR 3 GEMENCEH B'B'B'

BELIAU BERKATA, ORANG BERKENAAN JUGALAH YANG MENGADAKAN PILIHAN RAYA KECIL JOHOR BAHARU UNTUK MEMBOLEHKAN YANG SUDAH MENJADI WAKIL RAKYAT. INILAH MERUPAKAN SATU TINDAKAN YANG MEMBAZIR.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, KALAU MEREKA HENDAK LETAK JAWATAN LETAKLAH TETAPI JANGAN BERTANDING LAGI KERANA KITA TIDAK MENYURUH MEREKA MELETAK JAWATAN JIKA MEREKA TIDAK SETUJU DENGAN KERAJAAN YANG ADA.

BELIAU BERKATA, ORANG RAMAI BOLEH MEMBUAT KEPUTUSAN YANG BIJAKSANA TETAPI MEREKA JUGA BOLEH DIKELIRUKAN OLEH FITNAH PIHAK-PIHAK TERTENTU.

INI KERANA MEREKA BERKENAAN SUKA JIKA KERAJAAN DAN RAKYAT TIDAK DAPAT BERHUBUNG ANTARA SATU SAMA LAIN BAGI MEMBOLEHKAN MEREKA MENJALANKAN KEGIATAN NEGATIF ITU.

BELIAU BERKATA, RAKYAT BEBAS MEMILIH CALON TETAPI RAKYAT AKAN KECEWA JIKA CALON ITU TIDAK DAPAT MEMBANTU MEREKA.

+KITA TIDAK MEMBERI PERUNTUKAN KEPADA CALON YANG SELAIN DARIPADA BARISAN NASIONAL BUKAN KERANA KITA TIDAK INGIN MEMBANTU RAKYAT TETAPI KERANA SIKAP ANGKUH CALON BERKENAAN YANG MENYATAKAN BAHAWA MEREKA JUGA DAPAT MEMBERIKANNYA+, KATA PERDANA MENTERI. -- BERNAMA

1330MST 10 09 88